

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP MENAIK TARAF KESELURUHAN BUMBUNG ISTANA BUDAYA

KUALA LUMPUR, 6 FEBRUARI 2026 – Istana Budaya hari ini menerima penyerahan projek siap bagi Projek Menaik Taraf Keseluruhan Bumbung Istana Budaya, yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan kelestarian dan keselamatan aset bangunan warisan negara terpelihara.

Majlis penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Roslan bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR); YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC); serta YBrs. Ir. Sukhaimi bin Marob, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Lambang Sari, Istana Budaya.

Majlis turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Ir. Ibrahim bin Esa, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) dan YBrs. En. Johan Cruyff @ Mohd Johari bin Md Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Istana Budaya. Turut hadir ialah wakil-wakil daripada MOTAC, Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, JKR Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Istana Budaya, ICU JPM WPKL serta pihak kontraktor Kamal Engineering Sdn. Bhd. dan perunding-perunding yang terlibat.

Projek ini telah dilaksanakan secara Reka dan Bina oleh Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA2) selaku Head of Project Team (HOPT) dan Head of Design Team (HODT) JKR yang berkaitan. Manakala Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertindak sebagai Pengarah Projek bagi menyelia keseluruhan pelaksanaan di tapak serta mentadbir kontrak bagi pihak Kerajaan.

Kamal Engineering Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor utama yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas reka bentuk dan pelaksanaan projek, bermula pada 6 Mac 2023, dan berjaya disiapkan enam (6) hari lebih awal

daripada tempoh kontrak yang ditetapkan. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 30 Disember 2025.

Skop kerja projek ini merangkumi kerja-kerja menaik taraf bumbung yang rosak termasuk pembukaan bumbung lama, penggantian kerangka bumbung (batten) serta pemasangan atap bumbung baharu. Selain itu, kerja-kerja penggantian dan pembaikan *gutter*, siling dan *glass fiber reinforced concrete* (GFRC), pemasangan lampu limpah, penyediaan akses struktur baharu, perlindungan sementara bagi sistem mekanikal dan elektrik, serta kerja-kerja pengujian dan pentauliahan turut dilaksanakan.

Pelaksanaan projek ini merupakan satu inisiatif berimpak tinggi yang selaras dengan dasar Kerajaan MADANI dalam pemeliharaan aset awam dan warisan negara, termasuk prinsip-prinsip di bawah Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN), Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) serta Kerangka Pengurusan Aset Kerajaan.

Kejayaan penyiapan projek ini membuktikan keupayaan dan komitmen JKR dalam memastikan kerja-kerja naik taraf dilaksanakan tanpa menjejaskan elemen seni bina Istana Budaya, di samping pematuhan ketat terhadap aspek keselamatan kerja di tempat tinggi serta pendedahan kepada faktor cuaca.

Tanggal 17 Oktober 2018 merupakan detik bersejarah bagi Istana Budaya atas pengiktirafan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Istana Budaya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat atas kejayaan penyerahan projek ini. Komitmen, kerjasama dan dedikasi yang ditunjukkan sepanjang pelaksanaan projek amat membanggakan dan menjadi bukti profesionalisme semua pihak. Diharapkan kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat serta pencapaian yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

###

Unit Perhubungan Awam
ISTANA BUDAYA

Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975

Website: www.istanabudaya.gov.my E-mel: info@istanabudaya.gov.my

Facebook, Instagram: @istanabudaya & TikTok: @istanabudayaofficial